

26/04/1997

Negara Islam perlu manfaat globalisasi

KONSEP globalisasi begitu luas digunakan hari ini, mungkin kerana ia masih baru dan segar diucapkan di samping membawa pengertian yang agak besar. Mereka yang bercakap mengenainya biasanya dianggap mempunyai pemikiran yang luas dan bersifat antarabangsa. Proses globalisasi dikaitkan dengan dunia tanpa sempadan yang dunia hari ini mampu ditembusi segala macam hubungan terus sama ada berkaitan soal komunikasi maklumat, ekonomi, politik, pengembangan pengaruh dan sebagainya. Yang nyata perkataan dan konsep globalisasi dicipta di Barat dengan melihat kepada ciri kepentingan mereka. Kita pernah lihat bagaimana Barat memecahkan dunia ini kepada sempadan geografi politik hingga menyebabkan negara kecil dan miskin hilang keyakinan diri. Semua ini berlaku kerana ketidakseimbangan maklumat yang mereka terima. Mereka hanya diberitahu mengenai perkara yang hanya patut mereka ketahui melalui saluran maklumat biasa sama ada melalui media atau saluran lain. Menerusi media seperti ini, maklumat buruk mengenai negara mereka mendapat tempat yang agak besar manakala maklumat yang baik-baik hanya untuk negara kuasa besar.

Menerusi gagasan globalisasi, setiap negara seolah-olah diletakkan kembali kepada satu garisan persamaan. Negara yang miskin dan termundur, mampu mengetahui perkembangan dunia serentak dengan negara-negara lain di dunia. Television satelit, Internet dan pelbagai kemudahan baru memudahkan setiap rakyat mengetahui keadaan dunia luar dari dalam rumah mereka sendiri. Dalam konteks ini globalisasi dilihat sebagai jalan yang lebih mudah bagi kuasa besar mengembangkan imperialisme mereka. Ini kerana mereka boleh meracuni pemikiran kita ketika kita berada di rumah.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara Islam supaya mengukuhkan kekuatan bagi mempertahankan diri menghadapi imperialisme ekonomi Barat menerusi proses globalisasi. Dr Mahathir menunjukkan kepada kita bahawa proses globalisasi ini boleh dipergunakan oleh Barat untuk memperkuatkan diri mereka dan melemahkan negara musuhnya. Proses globalisasi Barat memang bertujuan memecahkan segala benteng negara bagi membolehkan mereka menceroboh sempadan yang sedia ada untuk mengembalikan semula imperialisme ekonomi. Jika ketika dunia masih dianggap bersempadan, Barat terpaksa mengambil masa yang panjang untuk menanam bibit imperialisme ke sesebuah negara. Mereka terpaksa menjalankan pelbagai bentuk propaganda bagi menangani hati rakyat. Mereka terpaksa hadir secara fizikal dan dalam kebanyakan kes mereka mendapat tentangan hebat. Ibarat penentangan antara mentimun dan durian pastinya tidak memberi sebarang keistimewaan kepada negara mundur. Akhirnya secara paksa mereka menakluki sesebuah negara dan membolot segala kepentingan yang ada. Dalam proses penaklukan inilah bibit imperialisme disuburkan.

Hari ini, Barat tidak perlu lagi menggunakan kuasanya secara paksaan. Mereka hanya perlu menakluki pemikiran rakyat sesebuah negara menerusi pemodenan sains dan teknologi, kemajuan di bidang komunikasi dan telekomunikasi dan sebagainya. Bagi negara seperti ini, mereka sedar betapa negara mereka akan terus tercicir jika tidak mempersiapkan diri dengan segala kemajuan dunia. Mereka tentu tidak mahu melihat negara lain terus berkembang dengan penggunaan teknologi termoden sedangkan negara mereka masih menggunakan peralatan tradisional. Pada kita tidak salah negara berkenaan menggunakan wang yang banyak untuk bersaing tetapi mesti selari dengan kekuatan ekonomi. Kekuatan ekonomi akan mengelakkan mereka

terlalu bergantung kepada negara lain dan falsafah `termakan budi' dapat dielakkan kerana kita tidak mahu negara terus-menerus mengikut telunjuk kuasa negara penyumbang.

Bagi negara Islam, globalisasi perlu diterjemah kepada sesuatu yang boleh menguntungkan Islam. Kita perlu tahu cara menggunakannya untuk kepentingan kita, bukan memberi ruang luas untuk kuasa luar mempengaruhi pemikiran kita. Ini bermakna negara Islam, secara individu harus mencari formula sebaik mungkin untuk memanfaatkan konsep globalisasi. Ia mesti dilihat cara mana kita boleh memperbaiki ekonomi rakyat dan negara. Jika globalisasi memudahkan hubungan di antara sesebuah negara, negara Islam perlu melihat ia perlu bermula di kalangan negara seagama serta negara yang benar-benar jujur mahu membantu kita. Kita bukan mahu menubuhkan empayar negara Islam tetapi menggunakan kemudahan untuk menjadi benteng menghadapi sebarang kemungkinan.

(END)